



Graduan UMP laris di pasaran

Oleh ARSHAD KHAN

SEJAK penubuhannya pada tahun 2002, Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM) telah mengorak langkah merealisasikan visinya untuk menjadi sebuah Universiti Teknikal berteraskan kompetensi bertaraf dunia.

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UMP, Profesor Dr. Sabarudin Mohd. berkata, sebagai universiti teknikal yang pertama di Pantai Timur, UMP memikul tanggungjawab untuk melahirkan jurutera-jurutera dan ahli teknologi yang seimbang dan mempunyai daya saing yang tinggi.

Bagi memastikan hasrat ini tercapai, UMP katanya telah mengamalkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pendekatan *Student Centred Learning* dalam semua aspek pembelajaran dengan pensyarah berperanan sebagai pemudah cara.

Dengan cara itu jelas beliau, pelajar bukan sahaja mendapat ilmu dalam bidang yang diterokai tetapi latihan untuk berdikari, mencari ilmu pengetahuan demi kemandirian diri mereka.

"Kaedah ini terbukti keberkesannya apabila daripada 364 graduan sulung yang dilahirkan pada Majlis Konvokesyen kali pertama UMP pada tahun lepas, 95% telah mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas bergraduasi," katanya.

Selain daripada itu, beliau juga menyatakan bahawa pelajar di UMP turut didedahkan dengan latihan praktikal semasa di makmal.

Tambah beliau, selaras dengan kehendak pasaran kerja global dan industri, UMP juga turut menitikberatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajarannya.

"Penerapan penggunaan bahasa tersebut bukan sahaja dilakukan di dalam kelas sahaja tetapi melalui aktiviti-aktiviti lain di luar kuliah seperti program 'Languagevaganza' 2007 yang dianjurkan oleh Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan baru-baru ini," katanya.



PARA pelajar UMP diberi latihan secukupnya bagi memastikan mereka memperoleh kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi pasaran tenaga kerja.

Jelas beliau, UMP adalah antara IPTA terawal yang memperkenalkan 'Soft Skills' atau Kemahiran Insaniah kepada pelajarannya.

"Mereka dinilai akan tahap 'Soft Skills' yang ada pada mereka secara sistematik demi memastikan graduan yang dilahirkan oleh UMP nanti terjamin sahsiahnya.

"Di samping itu juga, penerapan nilai-nilai asas keusahawanan juga dilakukan di UMP melalui matapelajaran khas yang diperkenalkan selaras dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi agar graduan yang lahir daripada IPTA berupaya berdikari dan tidak mengharapkan kerja makan gaji sahaja," kata beliau.

Prof Dr. Sabarudin juga berkata, bagi memastikan graduan yang dilahirkan oleh Universiti ini dapat bersaing dalam pasaran kerja yang amat mencabar pada masa ini, UMP sentiasa peka dan mengambil kira keperluan industri

khususnya dan negara amnya dalam merancang dan melaksanakan kurikulum dan silibus pengajiannya.

Menurut beliau, hubungan yang rapat antara UMP dan pihak industri adalah merupakan kunci kepada kejayaan yang dikecapi oleh Universiti sepanjang lima tahun beroperasi.

"Pihak industri bukan sahaja bersama-sama dengan Universiti dalam proses merangka kurikulum dan silibus, malah mereka juga turut dilibatkan dengan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum pelajar.

"Penglibatan industri sebagai anggota Lembaga Pengajian program akademik UMP pula bukan sahaja memberi peluang pihak industri memberikan input kepada merangka kurikulum, tetapi pada masa yang sama dapat mempertingkatkan ilmu-ilmu baru yang diterokai oleh pihak Universiti untuk diamalkan di industri," katanya.

Selain daripada itu kata beliau, pelajar-pelajar di UMP didedahkan sela-

ma enam bulan di dalam pekerjaan melalui latihan industri pada semester akhir pengajian mereka.

Tambahnya, struktur latihan industri sebegini memberikan kelebihan kepada pelajar tersebut kerana mereka telahpun selesai menjalani keseluruhan pengajian mereka di Universiti.

Dalam pada itu, pihak industri juga jelas beliau lebih berminat mendapatkan khidmat pelajar tersebut kerana mereka akan terus bersedia untuk bekerja selepas selesai menjalani latihan tersebut.

"Maklumbalas yang diterima daripada pihak industri berkaitan dengan pelajar UMP adalah amat positif.

Disamping itu, beberapa cadangan dan pandangan oleh pihak industri juga diterima oleh UMP bagi memantapkan lagi proses latihan industri yang sedia ada.

Buat masa ini, syarikat-syarikat yang mengambil pelajar UMP adalah terdiri daripada syarikat tempatan dan syarikat multinasional yang berpangkalan di Malaysia.

"Adalah menjadi matlamat Universiti bukan sahaja untuk menambahkan bilangan syarikat yang sedia menerima pelajar UMP malahan menghantar mereka untuk menjalani latihan industri di luar negara," ujar beliau.

Penerapan nilai-nilai asas keusahawanan dilakukan di UMP melalui matapelajaran khas yang diperkenalkan selaras dengan Kementerian Pengajian Tinggi agar graduan yang lahir daripada IPTA berupaya berdikari



PINTU gerbang Universiti Malaysia Pahang.